



**GARIS PANDUAN  
KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF  
DAN KREATIF (KIK)  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
TAHUN 2012**

## **I. LATAR BELAKANG**

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif JPA mula dilaksanakan pada Tahun 2010 berdasarkan Keputusan Mesyuarat Pasukan Petugas Kualiti dan Produktiviti JPA Bil. 2/2010 pada 29 April 2010 selaras dengan Panduan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) yang telah dikeluarkan oleh MAMPU pada 1 November 2009. Pertandingan ini adalah merupakan penambahbaikan dan penjenamaan semula terhadap Pertandingan Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan sejak tahun 1991.

Konvensyen KIK JPA dilaksanakan sebagai salah satu usaha untuk menggalakkan penyertaan warga dalam memperkenalkan inovasi dan membuat penambahbaikan terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh JPA kepada pelanggan. Konvensyen ini adalah merupakan sebahagian daripada aktiviti utama di bawah Program Kualiti dan Inovasi Tahunan JPA. Pemilihan pemenang dan Majlis Penyampaian Anugerah ini dilakukan secara tahunan di dalam Majlis Sambutan Hari Inovasi JPA.

## **II. TUJUAN**

Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) adalah bertujuan untuk:

- a) Melahirkan warga JPA yang berfikiran kreatif dan inovatif dalam menghasilkan inovasi;
- b) Memperkenalkan sistem dan cara kerja baru serta menjana kecemerlangan organisasi melalui pendekatan kreativiti, inovasi dan penciptaan nilai (*value creation*);
- c) Memupuk kerjasama di kalangan warga organisasi dan mengeratkan perhubungan di antara pekerja dengan pihak pengurusan; dan

- d) Membolehkan organisasi menghasilkan satu (1) sistem penyampaian perkhidmatan yang berkualiti dan menepati kehendak pelanggan.

### III. BENTUK ANUGERAH

Pemenang-pemenang Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) akan menerima hadiah-hadiah seperti berikut:

<b>Kedudukan</b>	<b>Hadiah</b>
Tempat Pertama	- Piala Pusingan - Hadiah Wang Tunai berjumlah RM3,000 - Sijil Penghargaan
Tempat Kedua	- Hadiah Wang Tunai berjumlah RM2,000 - Sijil Penghargaan
Tempat Ketiga	- Hadiah Wang Tunai berjumlah RM1,000 - Sijil Penghargaan

### IV. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

Syarat-syarat penyertaan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) JPA adalah seperti berikut:

- a) Penyertaan adalah dibuka kepada semua warga JPA untuk membentuk kumpulan-kumpulan KIK;
- b) Berbeza dengan KMK, keahlian KIK tidak hanya terhad di kalangan anggota kumpulan sokongan dalam satu bahagian sahaja tetapi ia meliputi semua peringkat anggota dan boleh merentasi pelbagai bahagian dalam JPA;

- c) Pembentukan Pasukan KIK (4 hingga 10 orang ahli) boleh dibuat melalui dua (2) kaedah seperti berikut:
  - i. Keahlian Pasukan KIK dari satu Bahagian sahaja; atau
  - ii. Keahlian Pasukan KIK dari gabungan Bahagian-Bahagian.
- d) Penyertaan bilangan Pasukan KIK bagi mewakili Bahagian-Bahagian dalam Konvensyen KIK adalah tidak lebih daripada tiga (3) pasukan;
- e) Program KIK bukan sahaja menyediakan teknik-teknik untuk menyelesaikan masalah yang wujud dalam organisasi tetapi juga merangkumi kaedah untuk membolehkan ahli-ahli KIK bertindak secara kreatif dan inovatif bagi menghasilkan sesuatu yang baru atau dalam bentuk yang baru melalui kemahiran imaginasi yang membawa kepada peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan;
- f) Semua penyertaan dalam KIK JPA perlu mengikut Panduan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) yang telah dikeluarkan oleh pihak MAMPU;
- g) Kriteria penilaian pelaksanaan projek KIK dalam Konvensyen KIK JPA tahun 2012 adalah seperti di **Lampiran 1**. Panel penilai terdiri daripada penilai agensi luar (sektor awam dan/atau sektor swasta);
- h) Setiap permohonan penyertaan Pasukan KIK yang mewakili Bahagian/beberapa Bahagian perlu mengemukakan Borang Penyertaan Konvensyen KIK JPA Tahun 2012 seperti di **Lampiran 2**; dan
- i) Setiap Pasukan KIK yang mewakili Bahagian perlu mengemukakan laporan pelaksanaan projek KIK masing-masing sebanyak (4 salinan) dalam bentuk *hard copy* dan *soft copy* kepada Urus Setia Konvensyen KIK

JPA bersama-sama dengan Borang Pengesahan Penghantaran Projek KIK Bagi Konvensyen KIK JPA Tahun 2012 seperti di **Lampiran 3**.

## **V. TATACARA PEMILIHAN**

Semua Bahagian **diwajibkan** menyertai konvensyen ini. Bagi warga JPA, penyertaan dalam konvensyen adalah **digalakkan**. Jadual pelaksanaan adalah seperti berikut:

- a) Tarikh tutup permohonan:  
**6 Ogos 2012**
- b) Penyerahan laporan permohonan:  
**18 September 2012**
- c) Tarikh Konvensyen KIK:  
**2 Oktober 2012**
- d) Pengumuman Pemenang Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK):

### **Sambutan Hari Inovasi JPA 6 Disember 2012**

Kumpulan yang menyertai konvensyen dikehendaki menyediakan dokumen-dokumen seperti berikut:

- a) Borang Permohonan  
  
Borang permohonan hendaklah diisi oleh kumpulan berkenaan.
- b) Laporan Permohonan  
  
Permohonan di atas hendaklah disertakan dengan **empat (4) salinan laporan** dalam bentuk *hard copy* dan *soft copy*.

Sebarang pertanyaan atau untuk mengemukakan permohonan boleh ditujukan kepada:

Urus setia  
Anugerah Inovator JPA  
Sektor Pengurusan Inovasi  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
Aras 11, Blok C1, Kompleks C  
62510 W.P Putrajaya

Encik Wan Baharudin bin Wan Mahmood  
Cik Noor Aini binti Mad Sapii  
Puan Norbaizura binti Mohd Yusof  
E-mel: [g.bkp@jpa.gov.my](mailto:g.bkp@jpa.gov.my)

Tel. 03-8885 3036  
Tel. 03-8885 3132  
Tel. 03-8885 3113

## LAMPIRAN 1



**KRITERIA PENILAIAN PELAKSANAAN  
PROJEK KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF  
BAGI KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK)  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

ITEM	KRITERIA PEMILIHAN	(a) WAJARAN	(b) MARKAH (MAX. 10)	(a) X (b) MARKAH BERWAJARAN
1.	<b>Pengenalan</b>			
	a. Latar belakang jabatan, kumpulan dan pemilihan ahli diterangkan	1		
	b. Kumpulan menjelaskan bukti penyertaan dan perancangan projek.	2		
2.	<b>Pemilihan Projek</b>			
	a. Projek yang dipilih berdasarkan kepada kajian latar belakang dan maklumat serta data-data masa lepas.	5		
	b. Projek yang dipilih memenuhi kehendak pelanggan organisasi; atau bahagian; atau unit dimana kumpulan itu berkhidmat. Ia juga menepati wawasan, matlamat, objektif atau piagam pelanggan unit/bahagian/organisasi.	5		

ITEM	KRITERIA PEMILIHAN	(a) WAJARAN	(b) MARKAH (MAX. 10)	(a) X (b) MARKAH BERWAJARAN
	c. Pemilihan projek dilakukan secara sistematik	4		
3.	<b>Penjelasan Projek</b>			
	a. Projek diterangkan dengan jelas. Istilah-istilah teknikal yang digunakan perlu dijelaskan.	6		
	b. Cara penetapan objektif/sasaran projek diterangkan dengan jelas.	3		
4.	<b>Penggunaan Kaedah/Alat Kawalan Kualiti/Alat Kreativiti</b>			
	a. Pendekatan secara sistematik penggunaan kaedah/alat kawalan kualiti/alat kreativiti yang bersesuaian untuk tujuan mengumpul data berkaitan dengan projek.	7		
	b. Pendekatan secara sistematik penggunaan kaedah/alat kawalan kualiti/alat kreativiti yang bersesuaian untuk tujuan mengenal pasti dan mengesahkan sebab-sebab yang paling mungkin atau isu yang berkaitan.	7		
	c. Penggunaan kaedah/alat kawalan kualiti/alat kreativiti yang bersesuaian secara	5		



ITEM	KRITERIA PEMILIHAN		(a) WAJARAN	(b) MARKAH (MAX. 10)	(a) X (b) MARKAH BERWAJARAN
		berkesan dalam mempersembahkan data.			
5.	<b>Tindakan Pembetulan/Penambahbaikan dan Pelaksanaan yang Kreatif dan Inovatif</b>				
	a.	Beberapa cadangan penyelesaian yang kreatif dan inovatif dipertimbangkan.	7		
	b.	Pendekatan secara sistematik dalam memilih cadangan penyelesaian yang kreatif dan inovatif.	7		
	c.	Pelaksanaan cadangan penyelesaian/strategi dapat dilakukan dengan berkesan dan baik dalam tempoh percubaan (trial run).	3		
6.	<b>Pencapaian Hasil Projek</b>				
	a.	Faedah-faedah: i. Pengurangan kos operasi ii. Penjimatan masa iii. Peningkatan output/hasil kerja iv. Penjimatan sumber manusia  Faedah-faedah lain. i. Tahap kepuasan hati pelanggan	12		

ITEM	KRITERIA PEMILIHAN	(a) WAJARAN	(b) MARKAH (MAX. 10)	(a) X (b) MARKAH BERWAJARAN
	ii. Tahap kepuasan pekerja iii. Imej Jabatan			
	b. Sumbangan pelaksanaan cadangan penyelesaian kepada pencapaian objektif organisasi diterangkan dengan jelas.	3		
	c. Pendekatan secara sistematik kaedah/alat kawalan kualiti yang bersesuaian untuk menilai faedah-faedah diperolehi dengan kos pelaksanaan cadangan penyelesaian.	3		
7.	<b>Tindakan Penyeragaman (Standardisation)</b>			
	a. Cadangan penyelesaian telah diterima dan kaedah pemantauan yang sesuai dan sistematik untuk memastikan tindakan pembetulan yang perlu dijalankan sebelum tindakan penyeragaman.	3		
	b. Tindakan susulan diambil untuk memastikan cadangan projek dikekalkan sebagai cara bekerja baru dengan pindaan atau tambahan kepada Arahan Kerja, Fail Meja, Manual Prosedur Kerja atau <i>Standard</i>	5		

ITEM	KRITERIA PEMILIHAN	(a) WAJARAN	(b) MARKAH (MAX. 10)	(a) X (b) MARKAH BERWAJARAN
	<i>Operating Procedures</i> atau apa-apa yang berkaitan.			
8.	<b>Penilaian Kumpulan</b>			
	a. Pendekatan secara sistematik kaedah/alat kawalan kualiti yang bersesuaian untuk menilai kemajuan kumpulan dalam pengendalian aktiviti KIK.	2		
	b. Kumpulan mengambil tindakan-tindakan untuk meningkatkan prestasi ahli-ahli semasa penyelesaian dijalankan demi kebaikan masa hadapan.	2		
	c. Pembelajaran-pembelajaran yang diperolehi oleh kumpulan.	2		
9.	<b>Persembahan Projek</b>			
	a. Persembahan yang kemas, turutannya yang logikal dan menepati masa yang telah diperuntukkan.	3		
	b. Persembahan yang jelas, penggunaan alat pandang dengar yang berkesan dan pengucapan awam yang baik tanpa menggunakan teks	3		
	<b>JUMLAH</b>	<b>100</b>		

LAMPIRAN 2



**BORANG PENYERTAAN  
KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

1. BUTIRAN KIK				
Nama Kumpulan: .....				
	<b>Nama</b>	<b>Bahagian</b>	<b>No. Telefon</b>	<b>E-Mel</b>
(a) Fasilitator				
(b) Ketua Kumpulan	(1)			
(c) Ahli Pasukan	(2)			
	(3)			
	(4)			
	(5)			
	(6)			
	(7)			
	(8)			
	(9)			
	(10)			

2. TAJUK PROJEK	3. PENERANGAN RINGKAS PROJEK

4. PENGESAHAN PENYERTAAN	5. KEGUNAAN URUS SETIA
Tandatangan Penyelaras : ..... Nama Pegawai : ..... Jawatan : ..... Tarikh : .....	Tarikh Terima : ..... Tandatangan Penerima : ..... Nama Pegawai: ..... Jawatan : .....

LAMPIRAN 3



**BORANG PENGESAHAN PENGHANTARAN  
PROJEK KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF  
BAGI KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**

Urus Setia Konvensyen KIK  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
(Sektor Pengurusan Inovasi,  
Bahagian Khidmat Pengurusan)

**PENGESAHAN PENGHANTARAN LAPORAN PROJEK KIK**

Dikemukakan bersama ini ..... salinan *hardcopy* dan *soft copy* Laporan Projek KIK bertajuk

.....  
.....

yang disediakan oleh Pasukan KIK .....

kepada Urus Setia Konvensyen KIK JPA.

PENGESAHAN PENGHANTARAN	KEGUNAAN URUS SETIA
<b>Tandatangan</b> <b>Penyelaras</b> : .....  <b>Nama Pegawai</b> : .....  <b>Jawatan</b> : .....  <b>Tarikh</b> : .....	<b>Tarikh Terima</b> : .....  <b>Tandatangan</b> <b>Penerima</b> : .....  <b>Nama Pegawai</b> : .....  <b>Jawatan</b> : .....

**Sektor Pengurusan Inovasi  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
Jabatan Perkhidmatan Awam  
MALAYSIA**